

STRATEGI PEMBELAJARAN BAHASA: SATU PENGENALAN KONSEP DAN MODEL

Oleh:

Linamalini binti Mat Nafi¹
Kamarul Shukri bin Mat Teh²

Abstrak

Pembelajaran merupakan suatu proses akumulasi maklumat dan matlamat secara berterusan yang berlaku dalam diri individu sejak ia dilahirkan sama ada secara disedari ataupun tidak disedari. Pembelajaran terdiri daripada lima domain iaitu kemahiran motor, maklumat insan, kemahiran intelektual, strategi kognitif dan sikap. Pembelajaran juga melibatkan perubahan dan kemahiran, corak kognitif (pengetahuan dan pemahaman), motivasi dan minat serta ideologi. Ia juga merupakan pemerolehan tabiat, pengetahuan dan sikap. Strategi belajar pula merupakan cara atau teknik yang digunakan oleh pelajar dalam mempelajari dan menguasai sesuatu pelajaran. Justeru, artikel ini membincangkan takrifan serta definisi strategi pembelajaran bahasa (SPB), kepentingan SPB serta ciri-ciri yang ada dalam SPB. Selain itu, model-model taksonomi SPB yang dibina beberapa pengkaji turut dibentangkan untuk melihat kepelbagaian strategi yang digunakan oleh pelajar.

PENGENALAN

Perkataan strategi berasal daripada bahasa Greek kuno iaitu “*strategia*” yang bermaksud kemahiran seni peperangan atau kepimpinan dalam pengurusan pasukan tentera dan kapal perang. Kemudian penggunaan perkataan “strategi” berkembang kepada suasana yang bukan berlatar belakangkan ketenteraan dengan makna perancangan, langkah atau tindakan sedar untuk mencapai objektif. Ia menjadi istilah

¹ Linamalini binti Mat Nafi (MA), Pensyarah Bahasa Arab di Jabatan Khidmat Akademik, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan.

² Kamarul Shukri bin Mat Teh (Ph.D), Profesor Madya di Fakulti Pengajian Kontempori Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA), Terengganu.

penting dalam pendidikan dengan makna yang baru iaitu strategi pembelajaran³.

Strategi ialah kaedah-kaedah tertentu sebagai pendekatan untuk menyelesaikan sesuatu masalah atau tugas. Ia merupakan satu bentuk perancangan untuk mengawal dan memanipulasi sesuatu maklumat. Strategi pembelajaran pula adalah pemikiran-pemikiran serta tindakan-tindakan yang digunakan oleh setiap individu untuk mencapai matlamat pembelajaran⁴. Sesetengah penyelidik menggunakan istilah "strategi belajar"⁵, sesetengahnya pula menggunakan ungkapan strategi pembelajaran dan yang lainnya mengistilahkannya sebagai "strategi pembelajaran bahasa". Ini ditambah pula dengan beberapa istilah yang sering digunakan di dalam literatur SPB seperti teknik, taktik dan seumpamanya. Malah definisi-definisi yang dikemukakan juga dilihat sebagai agak kabur. Dalam pada itu, Kamarul Shukri menukilkan pandangan yang dikemukakan oleh Gass dan Selinker dan Oxford dan Cohen bahawa terminologi "strategi pembelajaran bahasa" scringkali tidak mendapat kesepakatan dan keseragaman sama ada dalam konteks pembelajaran bahasa kedua atau bahasa asing.

DEFINISI STRATEGI PEMBELAJARAN BAHASA

Sebelum diperincikan dengan lebih mendalam definisi SPB, perlu diketahui dan dikenal pasti perbezaan antara "Pembelajaran Bahasa Kedua" dan "Pembelajaran bahasa Asing". Kamarul Shukri⁷ membawa pandangan Cohen yang menyatakan bahawa pembelajaran bahasa kedua memberi maksud bahasa yang dipelajari itu merupakan bahasa yang dipertuturkan sehari-harian oleh masyarakat tempatan di mana bahasa tersebut dipelajari. Contohnya, mempelajari bahasa Inggeris di Amerika Utara atau bahasa Arab di Jordan. Manakala

³ Oxford, R.L. (1990). *Language learning strategies: what every teacher should know*. New York: Newbury House.

⁴ Keatly, C., Chamot, A., Greenstreet, S. & Spokane, A. (2004). *Learning strategies of students of Arabic (atas talian)*. National Capital Language Resource Center. <http://www.nclrc.org/ins-arabic1.htm>.

⁵ Rubin, J. (1987). *Learners strategies: theoretical assumptions, research history and typology*. Dlm. A. Wenden & J. Rubin (pnjt.) *Learner strategies in language learning*, hlm. 15-29. Eaglewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.

⁶ Kamarul Shukri Mat Teh. (2009). *Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama*. Tesis PhD. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

⁷ *Ibid*.

pembelajaran bahasa asing pula adalah mempelajari bahasa yang tidak digunakan oleh penduduk tempatan dalam urusan kehidupan seharian. Misalnya, mempelajari bahasa Inggeris di China atau bahasa Arab di Perancis.

Rubin⁸ berpandangan bahawa SPB merupakan teknik atau perancangan khusus yang digunakan oleh pelajar untuk memperolehi pengetahuan. Manakala Rigney pula mendefinisikannya sebagai langkah atau tindakan yang kerap dilakukan secara sedar bagi meningkatkan pemerolehan maklumat. Bialystok⁹ pula memberi takrifan SPB sebagai cara atau langkah yang diambil bagi mengguna dan mengeksploitasikan maklumat yang ada untuk mempertingkatkan kecekapan dalam bahasa kedua. Seterusnya Faerch dan Kasper berpendapat ia adalah usaha untuk memajukan ilmu bahasa dan kemampuan sociolinguistik dalam mencapai matlamat bahasa itu sendiri. Manakala Weinstein dan Mayer pula mentakrifkannya sebagai perlakuan dan pemikiran yang digunakan oleh pelajar semasa pembelajaran dengan hasrat untuk memudahkan proses pengekodan. Wenden dan Rubin kemudian memberi definisi SPB sebagai strategi yang menyumbang ke arah perkembangan sistem bahasa yang dibina oleh pelajar dan ia mempengaruhi pembelajaran secara langsung. Dalam pada itu, Mayre memberi definisi SPB sebagai perlakuan pelajar yang bertujuan untuk memudahkan pemprosesan maklumat.

O'Malley dan Chamot pula berpendapat bahawa SPB sebagai fikiran atau perilaku khusus yang digunakan oleh seorang individu untuk memahami, mempelajari dan menyimpan maklumat baru. Ehrman dan Oxford pula memberi pengertian SPB merupakan langkah atau tingkah laku yang biasanya digunakan oleh pelajar bahasa untuk mempercepatkan pemerolehan, penyimpanan, pengingatan dan penggunaan maklumat. Selain itu, Oxford¹⁰ mengemukakan definisi yang lebih menyeluruh yang menggambarkan SPB sebagai langkah-langkah atau tindakan khusus yang diambil oleh para pelajar bagi menjadikan proses pembelajaran mereka lebih mudah, lebih cepat, lebih menyeronokkan, lebih berbentuk sendiri, lebih efektif dan lebih mudah disesuaikan dengan situasi baru. Manakala Nyikos berpandangan bahawa SPB adalah teknik-teknik berstrategik yang digunakan oleh pelajar bahasa untuk memahami dan memproses maklumat baru dengan lebih mendalam untuk menolong mereka

⁸ Rubin, J. (1987). *op. cit.*

⁹ Bialystok, E. (1985). The compatibility of teaching and learning strategies. *Applied Linguistics* 6: 255-262.

¹⁰ Oxford, R.L. (1990). *Language learning strategies: what every teacher should know*. New York: Newbury House.

mengingati semula maklumat lama dan mengaplikasikan pengetahuan serta kemahiran bagi memudahkan penyelesaian masalah. Ellis¹¹ pula melihat SPB adalah aktiviti mental dan perlakuan yang mempunyai hubungan dengan beberapa tahap khusus dalam keseluruhan proses pemerolehan dan penggunaan bahasa. SPB juga didefinisikan sebagai teknik, pendekatan dan tindakan yang diambil dengan sengaja oleh pelajar untuk memudahkan pembelajaran dan proses mengingati semula kedua-dua aspek linguistik dan kandungan sebarang maklumat¹². Manakala Nunan pula memberi definisi SPB sebagai prosedur mental dan komunikatif yang digunakan untuk mempelajari dan menggunakan bahasa.

Brown¹³ secara ringkasnya mendefinisi SPB sebagai proses yang boleh memberi sumbangan secara langsung kepada pembelajaran. Manakala Reid¹⁴ mendefinisikan SPB sebagai kesemulajadian, kebiasaan, dan cara yang lebih digemari oleh pelajar ketika menyerap, memproses dan menyimpan maklumat atau kemahiran baru. Mohamed Amin¹⁵ pula berpandangan SPB ialah satu perancangan atau tindakan seorang pelajar untuk mempertingkatkan proses pembelajaran mereka. Park pula melihat SPB boleh memudahkan pemerolehan bahasa kedua dengan merangsang kemasukan input yang lebih banyak dan lebih baik dengan memproses input menjadi pengambilan dan melalui penghasilan output. Menurut beliau, input boleh diperoleh melalui pembelajaran tetapi penggunaan strategi akan membantu pemerolehan input dengan lebih banyak, lebih cepat dan lebih baik. Seterusnya, Kamarul Shukri¹⁶ ketika membuat kesimpulan daripada pelbagai definisi yang dikemukakan oleh para penyelidik mendefinisikan SPB sebagai langkah atau tindakan khusus yang diambil oleh para pelajar untuk memudahkan pemerolehan, penyimpanan, pengingatan dan penggunaan maklumat sehingga menjadikan pembelajaran lebih mudah, lebih cepat, lebih menyeronokkan, lebih sendiri, lebih efektif dan lebih senang dipindahkan ke suasana baru. Ia melibatkan prosedur mental dan

¹¹ Ellis, R. (1994). *Understanding second language acquisition*. Oxford: Oxford University Press.

¹² Brown, H.D. (1994). *Principles of Language Learning and Teaching*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.

¹³ *Ibid.*

¹⁴ Reid, J.M. (1998). *Understanding learning styles in second language classroom*. U.S.: Prentice Hall Regents.

¹⁵ Mohamed Amin Embi. (1996). *Language Learning Strategies Employed by Secondary School Students Learning As a Foreign Language in Malaysia*. Tesis Phd. University of Leeds.

¹⁶ Kamarul Shukri Mat Teh. (2009). *Op. Cit.*

komunikatif untuk mempelajari dan menggunakan bahasa dalam kerangka mempertingkatkan pencapaian dan penguasaan bahasa sasaran.

Antara isu yang sering kali timbul ketika mendefinisi SPB ialah, sama ada ia bersifat “sedar” atau “tidak sedar” dan “sengaja” atau “tidak sengaja”. Sebahagian penyelidik berpendapat “tidak sedar” atau “tidak disengajakan” juga merupakan satu bentuk strategi¹⁷. Tudor telah memperihalkan SPB sebagai tindakan yang diambil oleh pelajar sama ada secara sedar atau tidak sedar dengan tujuan untuk mengembang dan mempertingkatkan kemahiran bertutur, mendengar, membaca dan menulis dalam bahasa asing atau kedua. Purpura pula memberi definisi SPB sebagai aktiviti mental atau perlakuan secara sedar atau tidak sedar yang berhubung kait secara langsung atau tidak langsung dengan tahap khusus dalam proses pemerolehan bahasa kedua. Nurazan¹⁸ pula berpandangan kesemua perlakuan sama ada berbentuk idea dan fikiran atau perilaku yang dilakukan secara sedar atau tidak yang diambil oleh seseorang pelajar untuk memudahkan proses pembelajaran adalah SPB. Selain itu, Leaver et al. berpendapat sebahagian SPB digunakan secara sedar dan sebahagian yang lain pula secara automatik. Menurut Kamarul Shukri¹⁹, antara mereka yang mencirikan SPB sebagai proses yang berlaku secara “sedar” atau “disengajakan” ialah Stern. Beliau berpandangan konsep strategi pembelajaran bergantung pada andaian bahawa pelajar secara sedar melakukan aktiviti-aktiviti untuk mencapai matlamat tertentu dan strategi pembelajaran boleh dianggap sebagai arahan dan teknik pembelajaran yang disengajakan telah diterima secara meluas.

Richard dan Platt pula mengutarakan pandangan bahawa SPB merupakan perlakuan dan pemikiran yang disengajakan oleh pelajar ketika belajar untuk membantu mereka memahami, mempelajari atau mengingat maklumat baru dengan baik. Manakala McIntyre²⁰ pula berpendapat bahawa SPB adalah tindakan yang dipilih oleh pelajar secara sengaja atau sedar untuk memudahkan pemerolehan bahasa dan komunikasi. Seterusnya Grainger menyatakan bahawa SPB ialah teknik atau tindakan khusus yang digunakan secara sedar oleh seseorang pelajar untuk membantu beberapa aspek atau aspek

¹⁷ *Ibid.*

¹⁸ Nurazan Mohmad Rouyan. (2004). Strategi pembelajaran bahasa dalam pembelajaran bahasa Arab: kajian di KUSZA. Disertasi Sarjana. Unversiti Kebangsaan Malaysia.

¹⁹ Kamarul Shukri Mat Teh. (2009). *Op. Cit.*

²⁰ MacIntyre, P.D. (1994). *Towards a social psychological model of strategy use.* Foreign Language Annals, 27 (2), pp. 185-194.

pembelajaran bahasa. Menurut Reid²¹ pula, SPB merupakan kemahiran eksternal yang kerap digunakan oleh pelajar secara sadar untuk mempertingkatkan pembelajaran. Selain itu, Cohen²² melihat SPB sebagai proses yang diambil oleh pelajar secara sadar dan tindakan yang diambil ini akan mempertingkat pembelajaran atau penggunaan bahasa kedua atau asing melalui pemerolehan, penyimpanan, pengingatan dan penggunaan maklumat. Beliau percaya bahawa elemen “sadar” atau “sengaja” amat penting ketika mendefinisi dan menggambarkan SPB. Sekiranya strategi berlaku secara automatik dan bukan secara sadar ia akan menyebabkan strategi itu kehilangan signifikannya. Melalui unsur tersebut dapat dibezakan antara “strategi” dan proses yang sifatnya tidak berstrategi. Beliau juga berkeyakinan bahawa pelajar yang memilih strategi pembelajaran mestilah berada dalam keadaan paling kurang separuh sadar ketika membuat pemilihan penggunaan SPB. Kamarul Shukri²³ merumuskan bahawa tanpa ciri sadar, pelajar pastinya tidak akan dapat mengenal pasti dan memperihai jenis perlakuan yang dihasilkan.

Hasil daripada beberapa definisi yang diperolehi, maka SPB dirumuskan sebagai langkah atau teknik yang diambil oleh pelajar untuk membantu dalam memudahkan pemerolehan, penyimpanan dan pemerolehan semula apabila diperlukan. Ia merupakan satu tindakan yang diambil oleh pelajar sama ada secara sadar atau tidak sadar. Ciri tidak sadar itu berlaku apabila pelajar itu secara konsisten dan kerap menggunakan satu-satu strategi di mana ia menggunakannya secara automatik. Pemilihan SPB ini melibatkan persepsi, perubahan tingkah laku, motivasi dan juga pemikiran pelajar. Menurut Oxford²⁴, jenis strategi yang digunakan oleh pelajar yang berbeza adalah pelbagai. Ini disebabkan oleh beberapa faktor, antaranya tahap kesedaran, tahap pembelajaran, keperluan tugas, pengharapan guru, umur, jantina, bangsa, cara belajar seseorang, personaliti, tahap motivasi dan juga tujuan mempelajari sesuatu bahasa tersebut. Justeru, seseorang guru perlu mempelbagaikan pendekatan strategi, kaedah dan teknik pengajaran supaya dapat menyampaikan satu-satu pelajaran yang menarik serta menyeronokkan²⁵. Dalam konteks pembelajaran bahasa, makna SPB sememangnya telah ditulis dan diberi pengertian oleh pengkaji bahasa di Barat dan juga di Malaysia.

²¹ Reid, J.M. (1998). *Op. Cit.*

²² Cohen, A.D. (1999). *Strategies in Learning and using a second language*. London: Longman

²³ Kamarul Shukri Mat Teh. (2009). *Op. Cit.*

²⁴ Oxford, R.L. (1990). *Op. Cit.*

²⁵ Ee Ah Meng. (1994). *Pendidikan Moral*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

KEPENTINGAN STRATEGI PEMBELAJARAN BAHASA

Kajian yang dijalankan terhadap penguasaan dan kebolehan bahasa menunjukkan bahawa terdapat kenyataan yang menyokong kepentingan SPB sebagai salah satu cara belajar bahasa di dalam sesebuah bilik darjah²⁶. Penguasaan SPB sangat penting kerana ia mampu membantu pelajar menggunakan strategi yang berkesan terutamanya ketika belajar bahasa di dalam kelas²⁷. Wenden dan Oxford²⁸ berpandangan bahawa SPB memberi banyak kebaikan kepada pelajar dalam meningkatkan penguasaan bahasa. Sebanyak sembilan ciri-ciri SPB yang membantu dalam penguasaan bahasa turut disenaraikan, antaranya:

- i) Meningkatkan kecekapan berkomunikasi.
- ii) Menggalakkan pembelajaran sendiri.
- iii) Melibatkan penyelesaian masalah.
- iv) Meningkatkan pembelajaran dengan aksi-aksi yang lebih khusus.
- v) Melibatkan proses di luar kognitif.
- vi) Menyumbang ke arah pembelajaran secara langsung dan tidak langsung.
- vii) Melibatkan kepelbagaian.
- viii) Menguasai aksi sedar dan tidak sedar, dan
- ix) Menggalakkan kelenturan.

Selain itu, SPB merupakan sesuatu yang sangat penting untuk dikuasai oleh setiap pelajar. Ini adalah kerana ia berkait rapat dengan cara pelajar merancang pembelajaran mereka sama ada di dalam kelas, di luar kelas ataupun ketika mereka menghadapi peperiksaan²⁹. Lebih daripada itu, menguasai SPB dapat mempengaruhi pengurusan, cara dan amalan belajar di kalangan pelajar³⁰. Seseorang pelajar hendaklah menggabungkan antara matlamat pembelajaran dengan strategi belajar yang berkesan dan berguna. Beberapa kajian menunjukkan bahawa pelajar-pelajar yang menggunakan strategi pembelajaran bahasa yang efektif dan sesuai mudah berjaya. Selain itu, terdapat juga kajian menunjukkan bahawa mana-mana pelajar yang berada dalam situasi pembelajaran dan tahu apa yang hendak dibuat juga mempunyai

²⁶ (Faerch & Kasper 1983; O'Malley & Chamot 1990; Oxford 1993; Mohamed Amin 1996; Abu Talib 1998; serta Mohd Nazali, Mohamed Amin & Zamri, 1999)

²⁷ Reid, J.M. (1998). *Op. Cit.*

²⁸ Oxford, R.L. (1990). *Op. Cit.*

²⁹ Mohamed Amin Embi. (1996). *Op. Cit.*

³⁰ Zamri Mahamod. (2004). Strategi pembelajaran bahasa Melayu di kalangan pelajar sekolah menengah. Tesis Ph.D. Universiti Kebangsaan Malaysia.

pencapaian akademik yang lebih baik³¹. Lantaran itu, penggunaan SPB sangat penting dalam meningkatkan pencapaian bahasa pelajar.

Penguasaan mengenai SPB juga dapat membantu guru bahasa untuk membimbing pelajar-pelajarnya menguasai sesuatu bahasa dengan pantas dan efektif. Ini telah dijelaskan oleh Hall bahawa guru perlu memikirkan cara bagaimana pelajar dan guru sama-sama menggunakan sesuatu SPB. Oleh yang demikian guru hendaklah mengenal pasti tahap penggunaan SPB dalam kalangan pelajar serta keupayaan mereka menggunakan pelbagai strategi dalam menyelesaikan sesuatu tugas. Guru juga boleh mempelajari tujuan pelajar mempelajari bahasa, minat atau kurang minat pelajar terhadap sesuatu aktiviti yang dijalankan di dalam kelas dan sebab mengapa mereka belajar bahasa. Di samping itu juga, guru perlu mengkaji kaedah-kaedah pengajaran mereka sendiri dan keseluruhan gaya dan strategi pengajaran mereka di dalam kelas. Melalui analisis tersebut, guru bahasa dapat mengenal pasti sama ada pengajarannya memberi peluang kepada pelajar untuk menggunakan pelbagai SPB atau sebaliknya. Ini dapat dilihat berdasarkan jumlah maklumat dan pengetahuan yang diterima setiap pelajarnya³².

Selain dari mempertingkatkan penguasaan bahasa, SPB berupaya menjadi panduan yang berkesan tentang bagaimana pelajar berjaya menyelesaikan masalah ketika pembelajaran bahasa berlaku kerana pelajar yang menggunakan pelbagai SPB dapat melaksanakan tugas dan memperoleh input baru serta dapat menggunakannya dalam aktiviti bahasa seterusnya. Fedderholdt menyatakan bahawa pelajar bahasa berupaya mempelbagaikan penggunaan SPB dan ini dapat membantu mereka memperbaiki kemahiran bahasa ke arah lebih baik. Ia juga membantu dalam pengurusan masa belajar serta mengurus dan membuat penilaian sendiri. Sebagai contohnya, strategi kognitif membantu pelajar menyelesaikan masalah bahasa baru dalam pembelajaran manakala strategi sosio afektif pula membantu pelajar berdikari serta mampu mengawal pembelajaran bahasa sendiri³³. SPB juga memberi sumbangan yang besar kepada peningkatan kemahiran serta keupayaan berkomunikasi dalam kalangan pelajar. Sebagaimana dinyatakan oleh Oxford³⁴ bahawa SPB ini penting untuk dikuasai oleh

³¹ Zamri Mahamod dan Mohamed Amin Embi. (2006). *Strategi pembelajaran bahasa Melayu pelajar pelbagai etnik bukan Melayu*. Jurnal Pendidikan. Universiti Malaya. 115-132.

³² *Ibid.*

³³ *Ibid.*

³⁴ Oxford, R.L. (1990). *Op. Cit.*

pelajar kerana ia adalah suatu alat yang membantu mereka aktif, lebih sendiri dan berkomunikasi dengan lebih baik.

Kesimpulannya, SPB banyak memberi manfaat dan kepentingan kepada pelajar khususnya dan guru bahasa amnya. Kepentingan menguasai SPB seperti yang dibincangkan dapat membantu pelajar menguasai bahasa dengan baik dengan membantu meningkatkan pencapaian akademik mereka. Menurut Dunn dan Dunn pelajar yang berpengetahuan tentang bagaimana cara mereka belajar dapat meningkatkan motivasi dan pencapaian pembelajarannya. Bochner (1996) menegaskan apabila seseorang guru itu mengetahui strategi yang digunakan oleh pelajar semasa mempelajari bahasa, mereka dapat merancang aktiviti pengajaran mereka dengan lebih baik dan berkesan.

CIRI-CIRI STRATEGI PEMBELAJARAN BAHASA

Pengetahuan tentang ciri-ciri strategi pembelajaran bahasa adalah sangat penting untuk memahami pengertian SPB secara jelas dan mantap. Hasil kajian Wenden dan Oxford³⁵ sering menjadi sandaran dan rujukan para penyelidik³⁶. Berikut digariskan beberapa ciri SPB yang dikemukakan oleh Wenden dan Oxford³⁷.

- i. Ia menyumbang kepada pencapaian matlamat pembelajaran bahasa di mana SPB berupaya membantu pelajar membina kemahiran berkomunikasi dalam bahasa sasaran secara aktif.
- ii. SBP menggalakkan pelajar menjadi lebih bersifat sendiri dan berkeyakinan dalam pembelajaran kerana mereka tidak selalu ditemani oleh guru untuk membimbing mereka. Bersifat sendiri sangat penting untuk membangunkan keupayaan yang aktif dalam bahasa baharu.
- iii. SPB mengembangkan peranan guru. Fungsi guru tidak lagi dilihat secara tradisional yang bersifat sebagai ibu bapa, instruktur, hakim, ketua dan seumpamanya. Sebaliknya guru mempunyai peranan baru sebagai pemudah cara, pembimbing atau penasihat pembelajaran. Mereka juga berperanan untuk membantu pelajar mengenali SPB, mengadakan latihan SPB dan membimbing pelajar menjadi lebih berdikari. Apabila suasana ini diwujudkan pelajar akan lebih bertanggungjawab,

³⁵ *Ibid.*

³⁶ Kamarul Shukri Mat Teh dan Mohamed Amin Embi. (2010). *Op. Cit.*

³⁷ Oxford, R.L. (1990). *Op. Cit.*

- banyak pembelajaran berlaku seterusnya guru dan pelajar turut berasa lebih berjaya.
- iv. SBP berorientasikan penyelesaian masalah. Ia merupakan alat yang digunakan oleh pelajar untuk menyelesaikan masalah pembelajaran, menyempurnakan tugas dan mencapai sesuatu matlamat. Contohnya, pelajar akan menggunakan strategi meneka untuk lebih memahami bahasa asing dan strategi memori digunakan untuk mengingat semula sesuatu.
 - v. Berasaskan tindakan khusus. SPB merupakan satu tindakan dan perlakuan khusus yang diambil oleh pelajar untuk meningkatkan pembelajaran mereka. Contohnya menulis nota, membuat perancangan untuk tugas-tugas bahasa, membandingkan bahasa sasaran dengan bahasa ibunda, dan meneka dengan bijak.
 - vi. Penglibatan dilakukan secara sedar. Kebanyakan aktiviti penggunaan SPB menunjukkan ia dilakukan oleh pelajar secara sedar. Namun, ia boleh bertukar menjadi tindakan tanpa sedar setelah menjadi kebiasaan hasil dari latihan yang berterusan.
 - vii. Memberi sokongan terhadap pembelajaran secara langsung atau tidak langsung. Sebahagian SPB terlibat secara langsung dengan pembelajaran seperti meneka makna perkataan melalui konteks. Manakala strategi yang lain pula seperti metakognitif, afektif dan sosial menyumbang secara tidak langsung terhadap pembelajaran. Strategi secara langsung dan tidak langsung, kedua-duanya sama penting dan saling menyokong proses pembelajaran.
 - viii. Tidak selalunya boleh diamati atau diperhati. SPB tidak selalu boleh diperhatikan dengan mata manusia. Sebahagian strategi di mana pelajar berkerjasama dengan pelajar yang lain untuk mencapai matlamat boleh diperhatikan dan sebahagian yang lain seperti aktiviti mental ketika mempelajari bahasa tidak boleh diperhatikan. Ini menimbulkan kesulitan kepada guru untuk mengetahui SBP pelajar.
 - ix. Bersifat fleksibel. SPB boleh diubah suai dan boleh digunakan oleh pelbagai individu mengikut gaya pembelajaran pelajar. Kadangkala pelajar menggabungkan strategi dengan cara yang boleh diramalkan. Sebagai contohnya ketika membaca teks pelajar selalu melihat bahan tersebut dengan cara meneka dan mengagak untuk memahami dan kemudiannya membuat catatan dan rumusan.
 - x. Melibatkan beberapa aspek pelajar. SPB bukan hanya melibatkan aspek kognitif semata-mata. Malah ia turut melibatkan aspek-aspek yang lain iaitu metakognitif, afektif, sosial, metafizik dan sebagainya.

- xi. Kemampuan diajar. SPB adalah lebih mudah untuk diajar dan diubah suai. Ini boleh dilakukan melalui latihan strategi yang menjadi bahagian penting dalam pendidikan bahasa. Latihan strategi akan menjadi paling efektif apabila pelajar belajar 'mengapa' dan 'bila' sesuatu strategi tertentu menjadi penting, bagaimana menggunakan strategi dan bagaimana untuk memindahkannya ke situasi yang baharu.
- xii. Dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Terdapat beberapa faktor telah dikenal pasti mempengaruhi penggunaan SPB. Antara faktor tersebut ialah, tahap kesedaran, peringkat pembelajaran, keperluan tugasan, pengharapan guru, umur, jantina, bangsa, gaya pembelajaran, personaliti, motivasi dan tujuan mempelajari bahasa sasaran.

MODEL-MODEL STRATEGI PEMBELAJARAN BAHASA

Penyelidikan SPB yang telah bermula sejak 30 tahun yang lalu mula berkembang dengan mengenal pasti SPB yang digunakan oleh pelajar-pelajar cemerlang bahasa³⁸. Selari dengan perkembangan penyelidikan dalam bidang SPB, lebih banyak SPB di kenal pasti dan disenaraikan melalui kaedah penyelidikan yang lebih efektif³⁹. Para penyelidik telah mengkonsepsi dan mengklasifikasikan domain SPB dengan pelbagai cara dari perspektif yang berbeza. Antara strategi yang popular yang telah dikonsepsi oleh penyelidik ialah memori, kognitif, tampungan, metakognitif, sosial, afektif, formal, fungsian dan sebagainya⁴⁰. SPB telah diklasifikasikan oleh ramai pendukung-pendukung SPB⁴¹. Namun demikian, kebanyakan usaha mengklasifikasikan SPB ini sedikit sebanyak menggambarkan pengkategoriannya adalah sama tanpa melibatkan sebarang perubahan atau perbezaan yang ketara. Di antara model-model SPB yang menjadi sandaran para pengkaji SPB ialah Model SPB Rubin, Bialystok dan Oxford⁴².

³⁸ Rubin, J. (1987). *Op. Cit.*

³⁹ Nurazan Mohamad Rouyan. (2004). *Op. Cit.*

⁴⁰ Kamarul Shukri Mat Teh, Mohamed Amin Embi, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff & Zamri Mahamod. (2009). *Hubungan Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Dengan Tahap Penguasaan Bahasa Arab*. Journal of Islamic and Arabic Education 1(1), pp. 41-56.

⁴¹ Ellis, R. (1994). *Understanding second language acquisition*. Oxford: Oxford University Press.

⁴² Rubin, J. (1987). *Op. Cit.*

1- Model Strategi Pembelajaran Bahasa Rubin

Rubin⁴³ membuat klasifikasi strategi pembelajaran bahasa berdasarkan bagaimana strategi-strategi ini mempengaruhi pembelajaran sama ada secara langsung atau tidak langsung⁴⁴. Beliau berpandangan bahawa strategi langsung menyumbang ke arah perkembangan sistem bahasa yang dibina dan mempengaruhi pembelajaran bahasa secara langsung⁴⁵. Sebagai contohnya, strategi kognitif seperti meneka, menaakul secara induktif dan menaakul secara deduktif. Strategi metakognitif pula seperti memantau pembelajaran⁴⁶.

Manakala strategi tidak langsung pula digunakan oleh pelajar bagi membina suasana pembelajaran yang memberi manfaat melalui pengalaman pembelajaran⁴⁷. Sebagai contohnya, strategi ini memberi peluang berlatih seperti bercakap dengan mereka yang bahasa ibundanya bahasa sasaran, menggunakan ayat yang pelbagai dan juga gerak isyarat. Rubin⁴⁸ kemudiannya mengklasifikasikan strategi pembelajaran bahasa kepada tiga bahagian, iaitu strategi pembelajaran, strategi komunikasi dan strategi sosial. Strategi pembelajaran pula dibahagikan kepada dua kategori iaitu kognitif dan metakognitif⁴⁹. Rajah 1 menerangkan klasifikasi SPB oleh Rubin⁵⁰.

⁴³ *Ibid.*

⁴⁴ Nurazan Mohmad Rouyan. (2004). *Op. Cit.*

⁴⁵ Kamarul Shukri Mat Teh dan Mohamed Amin Embi. (2010). *Strategi Pembelajaran Bahasa*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

⁴⁶ Nurazan Mohmad Rouyan. (2004). *Op. Cit.*

⁴⁷ Kamarul Shukri Mat Teh dan Mohamed Amin Embi. (2010). *Op. Cit.*

⁴⁸ Rubin, J. (1987). *Op. Cit.*

⁴⁹ Kamarul Shukri Mat Teh. (2009). *Op. Cit.*

⁵⁰ Rubin, J. (1987). *Op. Cit.*

Rajah 1: Klasifikasi Strategi Pembelajaran Bahasa Rubin (1987)



Dalam pada itu Rubin⁵¹ telah menyenaraikan enam strategi umum di bawah strategi kognitif. Jadual 1 memperincikan strategi-strategi umum yang diletakkan di bawah strategi kognitif.

Jadual 1: Strategi-Strategi Umum Di Bawah Strategi Kognitif

Bil	Strategi Umum	Penggunaan Strategi
1	Penjelasan dan Penentusahan	Untuk mengesah dan menjelaskan kefahaman pelajar tentang bahasa baru. Misalnya meminta bantuan guru atau penutur bahasa sasaran untuk membetul dan mengesahkan hasil bahasa sasaran.
2	Meneka dan Membuat Kesimpulan	Ia digunakan untuk mendapat pengetahuan bahasa bagi menghasilkan hipotesis tentang pola bahasa, makna semantik atau maksud penutur. Sebagai contoh, pelajar meneka makna perkataan melalui konteks ayat atau mengikut gerak hati untuk mengenal pasti maksud penutur.
3	Pertimbangan dan Taakulan Deduktif	Strategi ini merujuk kepada penyelesaian masalah pelajar ketika mengguna peraturan umum dalam menguasai bahasa sasaran.
4	Berlatih	Ia merupakan bentuk-bentuk latihan seperti pengulangan, pengajukan dan penumpuan. Misalnya pelajar berlatih menggunakan perkataan dalam pelbagai bentuk ayat.
5	Penghafalan dan Mengingati	Ia memberi fokus kepada usaha menyimpan, mengingat dan memperoleh semula maklumat bahasa. Misalnya, pelajar menggunakan kad imbasan untuk mengingati perkataan baru dan menggunakannya dalam membina ayat.

⁵¹ *Ibid.*

6	Penyeliaan dan Pemantauan	Ia digunakan untuk mengesan kesilapan, memerhati bagaimana sesuatu mesej diterima dan menafsirkannya serta memutuskan apa yang perlu dilakukan. Sebagai contohnya, pelajar mengenal pasti kesilapan ketika menggunakan bahasa sasaran dan membetulkannya.
---	---------------------------	---

Sumber : Adaptasi daripada strategi kognitif Rubin (1987).

Manakala strategi metakognif pula digunakan untuk menyelia, mengawal, mengatur dan mengendalikan sendiri proses pembelajaran. Strategi ini melibatkan proses perancangan, penetapan matlamat dan pengurusan sendiri. Misalnya, pelajar berusaha mencari semaksima mungkin peluang untuk berlatih bahasa sasaran dengan menyertai kelab bahasa atau mencari peluang pekerjaan yang memerlukan kepada penggunaan bahasa sasaran untuk berkomunikasi. Pelajar juga mempunyai matlamat yang jelas untuk mempertingkatkan kemahiran bahasa dan merancang dengan baik untuk mempelajari bahasa sasaran⁵².

Kategori yang kedua menurut klasifikasi Rubin⁵³ ialah strategi komunikasi. Pelajar akan menggunakan strategi ini apabila berhadapan dengan kesukaran berkomunikasi seperti bertutur terlalu laju atau salah faham. Strategi ini memberi tumpuan kepada penglibatan dalam perbualan, menanggapi makna atau memperjelaskan hasrat dan keinginan penutur. Sebagai contohnya, pelajar meminta penutur supaya bercakap secara perlahan atau mengulangi percakapannya agar dapat difahami. Strategi ini dilihat kurang terlibat secara langsung dengan pembelajaran kerana ia lebih memberi fokus kepada penglibatan pelajar dalam aktiviti perbualan.

Akhir sekali strategi sosial yang mana ia merupakan aktiviti yang menyumbang ke arah pembelajaran secara tidak langsung. Melalui strategi ini, pelajar dapat mencipta peluang untuk berlatih menggunakan bahasa sasaran iaitu dengan melakukan perbualan bersama rakan-rakan pelajar, guru dan juga penutur asli bahasa sasaran. Hasil daripada interaksi tersebut pengesahan, pengujian dan latihan bahasa akan dapat dilaksanakan. Strategi ini juga memberi ruang kepada pelajar menonton filem, rancangan televisyen atau radio atau membaca buku dalam bahasa sasaran. Strategi ini juga dilihat tidak terlibat secara langsung dengan pembelajaran kerana ia tidak

⁵² Kamarul Shukri Mat Teh dan Mohamed Amin Embi. (2010). *Op. Cit.*


⁵³ Rubin, J. (1987). *Op. Cit.*

membawa kepada pemerolehan, penyimpanan, pemerolehan semula dan penggunaan secara langsung⁵⁴.

2- Model Strategi Pembelajaran Bahasa Bialystok

Bialystok⁵⁵ telah menggariskan empat kategori SPB iaitu dua strategi formal yang terdiri daripada pemantauan dan latihan formal. Manakala dua lagi merupakan strategi fungsian yang terdiri daripada membuat inferens dan membuat latihan fungsian (sila lihat rajah 2). Bialystok⁵⁶ seterusnya menjelaskan penggunaan strategi-strategi yang diutarakan oleh beliau. Menurut beliau bentuk strategi formal lebih tertumpu kepada bentuk bahasa yang mana strategi pemantauan digunakan untuk meningkatkan penguasaan terhadap pola bahasa. Contohnya, pelajar mengenal pasti kesilapan. Manakala latihan formal pula ialah satu bentuk latihan yang khusus untuk menguasai sistem bahasa, sebagai contohnya membuat latihan tatabahasa atau latih tubi lisan di dalam kelas. Sebaliknya bentuk strategi fungsian pula memberi tumpuan kepada penggunaan bahasa yang mana strategi membuat inferens adalah strategi menggunakan maklumat yang ada untuk menghasilkan sesuatu hipotesis, misalnya meneka makna perkataan dalam konteks ayat. Manakala satu lagi strategi iaitu strategi latihan fungsian melibatkan penggunaan bahasa dalam suasana komunikasi, sebagai contohnya, bercakap atau berurusan dengan menggunakan bahasa sasaran⁵⁷.

Rajah 2: Kategori SPB Bialystok (1978)



Sumber : Adaptasi daripada model SPB Bialystok 1978

⁵⁴ Kamarul Shukri Mat Teh. (2009). *Op. Cit.*

⁵⁵ Bialystok, E. (1985). *Op. Cit.*

⁵⁶ *Ibid.*

⁵⁷ Kamarul Shukri Mat Teh dan Mohamed Amin Embi. (2010). *Op. Cit.*

3- Model Strategi Pembelajaran Bahasa Oxford

Oxford⁵⁸ telah menghasilkan sistem strategi pembelajaran bahasa yang menyeluruh dan berhubung kait dengan empat kemahiran bahasa⁵⁹. Terdapat dua kategori utama dalam sistem Oxford⁶⁰ iaitu strategi langsung dan tidak langsung⁶¹. Jadual 2 menjelaskan pembahagian kategori-kategori utama sistem strategi pembelajaran bahasa Oxford⁶². Strategi langsung merupakan strategi-strategi yang terlibat secara langsung dengan bahasa sasaran dan ia menuntut pemprosesan bahasa secara mental. Manakala strategi tidak langsung pula memberi sokongan yang tidak langsung dalam pembelajaran bahasa. Seterusnya, Oxford⁶³ telah meletakkan enam kumpulan strategi utama di bawah kedua-dua kategori ini iaitu strategi memori, kognitif dan tampungan dikategorikan sebagai strategi langsung. Sebaliknya strategi metakognitif, afektif dan sosial diletakkan di bawah kategori strategi tidak langsung. Ia kemudiannya disubkategorikan kepada 19 strategi yang dibentuk oleh 62 strategi khusus.

Jadual 2: Kategori Sistem Strategi Pembelajaran Bahasa Oxford

Strategi Pembelajaran Bahasa	
Strategi Langsung	Strategi Tidak Langsung
☐ Strategi Memori ☐ Strategi Kognitif ☐ Strategi Tampungan	☐ Strategi Metakognitif ☐ Strategi Afektif ☐ Strategi Sosial

Jadual 3 dan 4 menghuraikan dengan lebih terperinci strategi pembelajaran secara langsung dan tidak langsung yang dinyatakan di atas.

Jadual 3: Strategi Pembelajaran Bahasa Secara Langsung

Strategi Utama	Substrategi	Strategi
Memori	Mencipta hubungan	-Membuat pengelasan

⁵⁸ Oxford, R.L. (1990). *Op. Cit.*

⁵⁹ Kamarul Shukri Mat Teh dan Mohamed Amin Embi. (2010). *Op. Cit.*

⁶⁰ Oxford, R.L. (1990). *Op. Cit.*

⁶¹ Nurazan Mohamad Rouyan. (2004). *Op. Cit.*

⁶² Oxford, R.L. (1990). *Op. Cit.*

⁶³ *Ibid.*

	mental. Menggunakan imej dan bunyi. Mengulangkaji dengan baik. Menggunakan tindakan/perbuatan.	- Menghubungkan/menghuraikan - Meletakkan perkataan dalam konteks - Menggunakan imejan - Membuat peta semantik - Menggunakan kata kunci - Menggambarkan bunyi dalam ingatan - Mengulangkaji secara berstruktur - Menggunakan tindak balas fizikal atau sensasi - Menggunakan teknik mekanikal
Kognitif	Berlatih. Menerima dan menghantar mesej. Menganalisis dan menaakul. Mencipta struktur untuk input dan output.	- Mengulang - Berlatih mengguna sistem bunyi dan tulisan. - Mengenal pasti dan menggunakan formula dan pola. - Membuat penggabungan semula. - Berlatih secara semulajadi. - Mendapatkan idea dengan cepat. - Menggunakan pelbagai sumber untuk menerima dan menghantar mesej. - Menaakul secara deduktif. - Menganalisis pernyataan. - menganalisis secara kontrastif. - Menterjemah. - Memindahkan maklumat. - Mengambil nota. - Membuat ringkasan. - Memberi penekanan.

Tampungan	Meneka secara bijak.	- Menggunakan petunjuk linguistik. - Menggunakan petunjuk lain.
	Mengatasi keterbatasan dalam pertuturan dan penulisan.	- Beralih kepada bahasa ibunda. - Mendapatkan bantuan. - Menggunakan mimik muka, gerakan tangan atau kepala. - Mengelakkan perbualan sebahagian atau keseluruhan. - Memilih topik. - Menyesuaikan maklumat atau mengagak. - Membina perkataan baru. - Menggunakan sinonim atau huraian untuk menerangkan sesuatu perkataan yang tidak diketahui.

Sumber: Kamarul Shukri & Mohamed Amin, 2010: 49 yang di adaptasi daripada Oxford 1990.

Dalam sistem strategi pembelajaran bahasa secara langsung Oxford membuat pemisahan antara strategi memori dan strategi kognitif. Menurut McIntyre⁶⁴, sesetengah pengkaji berpandangan bahawa pengasingan antara strategi memori dan kognitif dalam taksonomi Oxford agak sukar untuk digambarkan. Namun, Oxford⁶⁵ serta Lan dan Oxford⁶⁶ menegaskan bahawa kajian terdahulu menunjukkan bahawa strategi memori berfungsi dengan cara yang berbeza daripada strategi kognitif. Strategi memori lebih tertumpu kepada proses menghafal dan mengingat, manakala strategi kognitif pula, lebih tertumpu kepada penggunaan bahasa⁶⁷.

Jadual 4: Strategi Pembelajaran Bahasa Secara Tidak Langsung

Strategi Umum	Substrategi	Strategi
Metakognitif	Memusatkan pembelajaran.	- Membuat gambaran keseluruhan dan menghubungkan dengan bahan sedi ada. - Menumpukan perhatian. - Menangguhkan pertuturan untuk fokus kepada pendengaran.

⁶⁴ MacIntyre, P.D. (1994). *Towards a social psychological model of strategy use*. Foreign Language Annals, 27 (2), pp. 185-194.


⁶⁵ Oxford, R.L. (1990). *Op. Cit.*

⁶⁶ Lan, R.L. (2005). *Language learning strategies of EFL elementary school students in Taiwan*. Disertasi Ph.D. University of Maryland.

⁶⁷ Kamarul Shukri Mat Teh dan Mohamed Amin Embi. (2010). *Op. Cit.*

Sumber: Kamarul Shukri & Mohamed Amin, 2010: 52 yang di adaptas daripada Oxford 1990.

Rajah 3: Hubung Kait Antara Strategi Langsung Dan Tidak Langsung Dan Antara Keenam-Enam Kumpulan Strategi



⁶⁸ Oxford, R.L. (1990). *Op. Cit.*

4- Model Strategi Pembelajaran Bahasa Mohamed Amin

Mohamed Amin⁶⁹ melihat faktor persekitaran, latar dan suasana pembelajaran mempengaruhi penggunaan SPB. Beliau berpandangan bahawa domain SPB tidak wajar terikat dengan teori pembelajaran kognitif semata. Oleh yang demikian, beliau mengakui taksonomi Oxford merupakan klasifikasi yang paling komprehensif. Namun beliau juga berpandangan bahawa sesetengah kategori yang terdapat dalam taksonomi tersebut tidak sesuai dengan pembelajaran bahasa asing atau bahasa kedua. Beliau telah membina taksonomi SPB berdasarkan pemerolehan bahasa kedua yang dikemukakan oleh Ellis⁷⁰ di mana taksonomi ini melihat perbezaan individu bersama-sama dengan faktor sosial dan situasi memberi kesan terhadap penggunaan SPB.

Mohamed Amin⁷¹ telah melakukan kajian dengan kaedah pemerhatian bilik darjah, temu bual dan soal selidik bagi mengenal pasti SPB yang digunakan oleh pelajar ketika mempelajari bahasa Inggeris. Beliau telah mengklasifikasikan SPB kepada tiga kategori iaitu SPB di dalam kelas (DDK), di luar kelas (DLK) dan ketika menghadapi peperiksaan (PEP). Jadual 5 menjelaskan model taksonomi SPB Mohamed Amin⁷².

Jadual 5: Model Taksonomi SPB Mohamed Amin (1996, 2000).

Strategi Utama	Dimensi Strategi
SPB di dalam kelas	- penggunaan bahasa - persediaan peperiksaan - penggunaan media
SPB di luar kelas	- berurusan dengan perkataan baru - pembelajaran berfokus - pembelajaran sosial di luar kelas
SPB untuk peperiksaan	- pembelajaran sosial di dalam kelas - persediaan awal sebelum kelas - penstrukturian fizikal di dalam kelas

⁶⁹ Mohamed Amin Embi. (1996). *Language Learning Strategies Employed by Secondary School Students Learning As a Foreign Language in Malaysia*. Tesis Phd. University of Leeds.

⁷⁰ Ellis, R. (1994). *Understanding second language acquisition*. Oxford: Oxford University Press.

⁷¹ Mohamed Amin Embi. (1996). *Op. Cit.*

⁷² *Ibid.*

SPB di dalam kelas berlaku dalam keadaan-keadaan tertentu seperti duduk berhampiran dengan pelajar pandai bahasa sasaran, meminta guru atau rakan mengulangi perkara yang tidak difahami dan juga menjawab di dalam hati semasa guru menanyakan soalan kepada pelajar lain. SPB di luar kelas pula berlaku apabila pelajar bertutur dengan guru dan rakan dalam bahasa sasaran, menghadiri program-program yang dijalankan dalam bahasa sasaran dan sebagainya. Manakala SPB untuk peperiksaan pula berlaku pada keadaan di mana pelajar membuat latihan dalam buku ulangkaji, menyertai pembelajaran dan perbincangan berkumpulan serta mempelajari format dan pembahagian kertas peperiksaan.

Hasil daripada analisis faktor yang dijalankan, Mohamed Amin berjaya mengenal pasti sembilan tema yang mempunyai varian sepunya yang tinggi misalnya penggunaan bahasa sasaran, persediaan untuk peperiksaan, persediaan awal sebelum memasuki kelas dan sebagainya sebagaimana yang dijelaskan di dalam Jadual 5. Sepertimana yang telah ditegaskan oleh Mohamed Amin⁷³ faktor persekitaran menjadi unsur penting dalam mempengaruhi penggunaan dan pemilihan SPB.


Justeru, pengklasifikasian tersebut membawa satu dimensi baru dalam bidang SPB. Ia telah menjadi asas kajian kepada beberapa penyelidikan SPB sama ada bahasa Inggeris, bahasa Melayu dan juga bahasa Arab. Antaranya, Mohd Nazali (1999) dan Zamri bagi bahasa Melayu, Faizahani (2002), Punithavalli (2003), Ismail (2004) bagi bahasa Inggeris dan Kamarul Shukri (2009) bagi bahasa Arab⁷⁴. Hasil daripada data-data yang diperolehi daripada kajian yang dijalankan ke atas pelajar-pelajar sekolah menengah yang mempelajari bahasa Inggeris, Mohamed Amin⁷⁵ telah membina model pembelajaran SMART bahasa Inggeris sebagaimana Rajah 5.

⁷³ *Ibid.*

⁷⁴ Mohd Nazali (1999) dan Zamri bagi bahasa Melayu, Faizahani (2002), Punithavalli (2003), Ismail (2004) bagi bahasa Inggeris dan Kamarul Shukri (2009) bagi bahasa Arab

⁷⁵ Mohamed Amin Embi. (1996). *Op. Cit.*

Rajah 5: Model Pembelajaran SMART Bahasa Mohamed Amin (2000)




5- Model Strategi Pembelajaran Bahasa Arab Kamarul Shukri

Kamarul Shukri⁷⁶ dalam kajiannya telah mengemukakan teori konseptual berdasarkan teori kognitif dan kognitif sosial (rujuk Rajah 6). Kajian yang dijalankan oleh beliau menunjukkan terdapat hubungan linear antara pencapaian bahasa dan penggunaan SPB, seterusnya mengukuhkan lagi kenyataan bahawa teori SPB adalah bertunjangkan teori kognitif. Kamarul Shukri⁷⁷ berpandangan, setiap pelajar akan melalui peringkat-peringkat pemprosesan maklumat yang melibatkan prosedural. Selain itu, tahap penggunaan SPB oleh pelajar cemerlang berbanding kumpulan pelajar lain membuktikan bahawa pelajar cemerlang bahasa (PCB) berjaya melalui peringkat pemprosesan maklumat secara aktif dan berkesan.

⁷⁶ Kamarul Shukri Mat Teh. (2009). *Op. Cit.*

⁷⁷ *Ibid.*

Rajah 6: Kerangka Konseptual Kajian Kamarul Shukri 2009




Keadaan ini membolehkan mereka menggunakan banyak SPB secara kerap dan seterusnya dapat meningkatkan kemahiran kognitif. Ini menjadikan SPB oleh PCB berubah daripada dikawal dan secara sadar kepada automatik dan separa sadar. Sebaliknya, pelajar lemah bahasa (PLB) pula berkemungkinan menghadapi masalah dalam memproses maklumat dan ini menghalang mereka daripada menggunakan SPB secara kerap dan pelbagai. Oleh yang demikian, apa yang dapat dirumuskan di sini ialah ciri-ciri SPB kebiasaannya dilakukan secara sadar dan tidak selalu boleh diperhatikan. Pelajar juga memproses maklumat dan memilih strategi yang hendak digunakan. Ini menunjukkan satu lagi ciri-ciri SPB iaitu menjadikan pelajar lebih berautonomi dan sendiri⁷⁸.

Selaras dengan itu juga, kajian Kamarul Shukri (2009) yang mengkaji penggunaan SPB pelajar ketika mempelajari bahasa Arab mendapati bahawa pembelajaran bahasa Arab melibatkan tujuh strategi utama iaitu metafizik, memori, kognitif, tampungan, sosial, afektif dan metakognitif. Kesemua strategi-strategi tersebut ini membentuk model strategi pembelajaran bahasa Arab (SPBA) sebagaimana yang ditunjukkan dalam Rajah 7.

⁷⁸ *Ibid.*

Rajah 7: Model Strategi Pembelajaran Bahasa Arab Kamarul Shukri 2009



Strategi-strategi utama yang ditunjukkan dalam Model SPBA (2009) ini saling menyokong antara satu sama lain dan memperlihatkan bahawa ia menitikberatkan aspek-aspek intelek, rohani, emosi dan sosial. Justeru, ia dapat membantu pelajar mengeksplotasi persekitaran, rutin bahasa dan bahan berkaitan dengan bahasa Arab secara bijak pada tahap yang maksima. Menurut Kamarul Shukri (2009), strategi-strategi yang dinyatakan ini melibatkan prosedur mental dan komunikatif. Maka secara tidak langsung, ia akan memudahkan pemerolehan, penyimpanan, pengingatan dan penggunaan maklumat bahasa secara berterusan.

Oleh yang demikian, penggunaan strategi secara kerap dan efisien dapat membantu dalam mempertingkatkan pencapaian dan penguasaan bahasa. Seterusnya, ia menjadikan pembelajaran bahasa Arab lebih mudah, lebih cepat, lebih sendiri, lebih menyeronokkan dan lebih senang dipindahkan ke suasana baru⁷⁹. Model SPBA ini diyakini amat sesuai digunakan dalam pembelajaran bahasa Arab di semua tempat khususnya di Malaysia.

⁷⁹ *Ibid.*

Justeru, para penyelidik bahasa Arab perlu mempergiatkan kajian berkenaan SPB dalam pembelajaran bahasa Arab dalam kerangka memperbanyakkan maklumat mengenai strategi-strategi yang digunakan oleh pelajar ketika mempelajari bahasa Arab dan dibuktikan berkesan dalam meningkatkan penguasaan bahasa Arab mereka. Selain itu, aspek SPB juga perlu diberi ruang yang sewajarnya dalam kurikulum pembelajaran bahasa Arab agar objektif pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dapat dicapai. Bagi mencapai tujuan tersebut, kerjasama daripada pelbagai pihak seperti kementerian pelajaran, jabatan pelajaran negeri, institusi-institusi pengajian, sekolah-sekolah, penggubal dan pelaksana dasar, ibubapa dan pelajar sangat diperlukan.

PENUTUP

Kesimpulannya, perbincangan berkenaan dengan model-model strategi pembelajaran bahasa menunjukkan bahawa setiap penyelidik mempunyai taksonomi sendiri yang direkabentuk berdasarkan hasil penyelidikan yang dijalankan. Para penyelidik dilihat tidak mencapai kesepakatan yang jitu berhubung dengan inventori dan taksonomi SPB. Masing-masing mengenal pasti strategi dan membuat pengklasifikasian SPB berdasarkan pelbagai kriteria. Pengkategorian tersebut juga dipengaruhi oleh jenis subjek kajian, latar kajian, kepentingan atau kecenderungan pengkaji. Taksonomi yang mutakhir dilihat lebih bersifat komprehensif, menyeluruh, sistematik dan berdasarkan teori yang jelas. Di samping itu, ia merangkumi pelbagai segmen dan dimensi seperti kemahiran bahasa, latar pembelajaran, calon peperiksaan dan seumpamanya. Ini sekaligus dapat menghasilkan dapatan kajian yang bersifat kebergunaan. Oleh yang demikian, kajian-kajian yang melibatkan pelbagai konteks bahasa – khususnya bahasa Arab-, budaya dan tempat masih perlu dijalankan⁸⁰. Dengan ini, bentuk taksonomi yang sesuai dengan sistem pembelajaran bahasa akan dapat dipastikan.

⁸⁰ Kamarul Shukri Mat Teh dan Mohamed Amin Embi. (2010). *Op. Cit.*